

Istilah Bahasa Malaysia berkuatkuasa serta-merta

BH-15/6/2007

Kandungan buku sedia ada tak perlu ditukar: Hishammuddin

Oleh Norliza Abdullah

KEMENTERIAN Pelajaran mengarahkan penggunaan istilah Bahasa Malaysia bagi menggantikan Bahasa Melayu di semua peringkat sekolah berkuat kuasa serta-merta sebaik saja jemaah Kabinet memutuskannya dua minggu lalu.

Menterinya, Datuk Seri Hishammuddin Hussein, berkata perbincangan pasca kabinet semalam juga memutuskan penggunaannya hanya membabitkan perubahan istilah tanpa menjejaskan sukatan pelajaran sedia ada.

"Apa yang perlu kita ubah ialah istilah mata pelajaran Bahasa Melayu kepada Bahasa Malaysia, manakala silibus semua peringkat sama ada rendah mahupun menengah tetap sama.

"Bagi saya ia tidak menimbulkan masalah kerana perubahan hanya penggunaan istilah," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pemberita selepas Majlis Anugerah Sekolah Cemerlang Kokurikulum dan Penyerahan Jalur Gemilang kepada Pasukan Bolasepak Malaysia Bawah 12 Tahun Danone Nations Cup 2007 ke Lyon, Perancis di Putrajaya, semalam.

Hadir sama, Timbalan Menterinya, Datuk Noh Omar dan Pengarah Urusan Danone Malaysia/Asean, Dieter Schulz.

Bagi mengelakkan pembaziran, Hishammuddin berkata, penggunaan buku lama dengan istilah Bahasa Melayu masih boleh diteruskan, bagaimanapun cetakan bagi edisi terkini akan disesuaikan mengikut keputusan jemaah menteri.

Beliau berkata, buku sedia ada tidak menimbulkan masalah langsung dari segi kandungannya kerana penekanan serta pengisiannya sama.

Mengulas sama ada Lembaga Peperiksaan Malaysia masih ada masa mengubah istilah berkenaan bagi pe-

periksaan tahun ini, Hishammuddin berkata, mereka ada masa dan sempat melaksanakannya.

Katanya, kementerian hanya memberi kelonggaran kepada buku dan bahan rujukan yang sudah dicetak dan diedarkan. Ini masa transisi yang pastinya tidak akan menimbulkan sebarang kesulitan.

"Jemaah menteri menjelaskan perubahan istilah itu sesuai dalam negara majmuk. Bagi saya, kalau bahasa Melayu dianggap sebagai bahasa kebangsaan, ini sebenarnya dapat memartabatkan bahasa itu sendiri.

"Penggunaan istilah Bahasa Malaysia menunjukkan ia bahasa ilmu dan bahasa perpaduan yang terus mempertahankan identiti kita sebagai negara berbilang kaum," katanya.

Terdahulu Hishammuddin memberi penghargaan kepada 14 pengetua dan guru besar sekolah cemerlang kokurikulum kerana berjaya melaksanakan kegiatan di sekolah

masing-masing hingga ke peringkat membanggakan.

Anugerah yang diperkenalkan tahun lalu, katanya, sebahagian daripada strategi memantapkan pelaksanaan kokurikulum di sekolah.

Beliau berkata, kementerian akan mengemukakan laporan kokurikulum kepada jemaah menteri dan orang ramai akhir bulan ini. Pembentangan itu juga merangkumi pencapaian Pelan Induk Pembangunan Pendidikan.

"Menerusi pencapaian membanggakan ini, saya percaya lebih banyak bakat muda dapat dicungkil menerusi bidang sukan dan kokurikulum.

"Kecemerlangan tidak dilihat daripada pencapaian akademik semata-mata, kokurikulum kini menjadi kayu pengukur kepada prestasi individu. Sokongan dan dorongan serta bantuan semua pihak terutama guru dan ibu bapa begitu dihargai," katanya.